

**MRO: Lim Minta Pengerusi BN Pulau Pinang Buktikan Keikhlasan
Bernama
Jun 22, 2014**

GEORGE TOWN, 22 Jun (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang perlu menunjukkan keikhlasan dengan menulis kepada kerajaan Persekutuan jika menyokong pembinaan hab kargo dan kemudahan menyenggara, membaiki dan membaik pulih (MRO), kata Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Beliau berkata keikhlasan Teng perlu diterjemahkan dengan menyokong saranan Lim untuk mewujudkan hab kargo dan kemudahan MRO dan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengenainya.

Bercakap kepada pemberita di sini, hari ini Lim berkata Teng juga harus menyatakan sebanyak 60 ekar tanah diambil alih dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) selepas 2008, dan susulan penambakan laut, ada kira-kira 300 hingga 500 ekar lagi untuk rancangan perluasan masa depan.

Sebelum ini, Teng berkata beliau menyokong saranan Lim bagi hab kargo dan kemudahan MRO kerana itu adalah rancangan awal Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bagi PIA semasa beliau menjadi ketua menteri Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048405>